

KESEDIAAN KAKITANGAN AWAM UNTUK PELAKSANAAN DASAR
PENGURUSAN ASET KERAJAAN

HASNIZA BT DERAMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrahim.....

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T, Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam kerana dengan taufik dan hidayatNya sahajalah saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama yang sangat baik terutamanya kepada penyelia Projek Sarjana Muda saya iaitu Sr Dr. Mohd Saidin Bin Misnan di atas segala bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga kepada Tn. Hj. Sabri Bin Mat Deris, En. Norrasmi Mohamad, dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur, pensyarah-pensyarah Ukur Bahan Universiti Teknologi Malaysia, kesemua responden dari kementerian-kementerian kerajaan serta kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses kajian ini dilaksanakan.

Dengan penglibatan semua pihak di atas, maka kajian ini dapat disempurnakan dalam masa yang telah ditetapkan. Hanya doa dan terima kasih sahaja yang dapat saya sampaikan atas segala sumbangan tuan/puan. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang membacanya. Yang baik itu datangnya dari Allah, yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.

ABSTRAK

Aset Tak Alih merupakan salah satu jenis aset seperti bangunan dan infrastruktur. Di dalam keadaan negara yang sedang pesat membangun ini, wujud pelbagai jenis dan reka bentuk bagi aset jenis ini. Untuk mewujudkan aset jenis ini, kadangkala ianya mencecah kos jutaan ringgit. Namun begitu, jika aset ini tidak mempunyai sistem pengurusan yang baik ianya akan mendatangkan kerugian kepada negara. Justeru itu, kerajaan telah mewujudkan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) bagi menyelaraskan sistem pengurusan untuk semua aset kerajaan. Dasar ini telah dilancarkan pada Mac 2009 dan ianya masih dianggap baru di dalam bidang pengurusan aset. Tidak semua kakitangan mempunyai pengetahuan untuk mengaplikasikan DPAK ini. Kajian ini dijalankan dengan memberi fokus kepada dua objektif iaitu, mengenal pasti kesediaan kakitangan awam untuk pelaksanaan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan dan mengenal pasti langkah-langkah yang dapat mempercepatkan pelaksanaan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan di kalangan kakitangan awam. Responden terdiri daripada kakitangan awam yang terlibat dengan pengurusan Aset Tak Alih di 24 kementerian yang terdapat dalam Malaysia. Kaedah untuk mencapai objektif ini pula menggunakan borang soal selidik dan sebanyak 48 set borang soal selidik berjaya dikumpul. Kajian ini mendapati bahawa kakitangan awam sama ada dari pihak kakitangan atau pengurusan telah bersedia untuk mengaplikasikan DPAK dalam aktiviti pengurusan aset kerajaan. Langkah-langkah yang dapat mempercepatkan pelaksanaan DPAK di kalangan kakitangan awam boleh dilaksanakan daripada dua pihak iaitu kementerian dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK). Kajian menunjukkan bahawa responden bersetuju langkah yang paling utama adalah pihak kementerian perlu melantik pegawai tetap bagi menguruskan Aset Tak Alih dan JKPAK pula perlu menjalankan seminar atau bengkel untuk memberi kefahaman kepada kakitangan yang terlibat serta dapat mempercepatkan pelaksanaan DPAK di kalangan kakitangan awam yang terlibat dengan pengurusan aset kerajaan.

ABSTRACT

Fixed asset is one types of asset such as building and infrastructure. In the situation of our development country, exist various types and design for this assets. To develop the infrastructure or buildings, sometimes the cost is reaches to the million dollars. However, if these assets do not have a good management system, it will bring loss to the country. Thus, the government has introduced the Government Asset Management Policy to standardize the management system for all government assets. This policy was launched in March 2009 and is still considered new in the field of asset management. Not all staff has knowledge to apply the Policy. Therefore, these study focusing on two objectives which are to identify the readiness of government staff to implement the Government Asset Management Policy and to identify the best way that can be taken to accelerate the implementation of the Government Asset Management Policy among the government staff. Respondent for this study is government staffs who are involved with the fixed asset management in 24 ministries in Malaysia. A method for achieving this objective is by using a questionnaire and the total of collected is 48 sets. The result for this study found that the government staff was ready to implement the Government Asset Management Policy. A part from that, to accelerate the implementation of Government Asset Policy its can be divided into two parties which is the ministries and the Government Asset Management Committee. The result shows, respondents agree that the most important way must be taken from ministries is appointing a permanent officer to manage the fixed asset. On the other hand, government asset management committees need to carry on the workshops or seminars to provide an understanding and knowledge to the staff are involved as well as to accelerate the implementation of DPAK among government staff which are involved in government asset management.